



Headline: LHDN dedah ramai jadi mangsa scammer Language: Malay
tunggakan cukai lama

Publication/Portal: Kosmo
Date: 14 July 2022

Section: Negara
Page: 16

LHDN dedah ramai jadi mangsa scammer tunggakan cukai lama

PUTRAJAYA – Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mendedahkan taktik scammer paling banyak memperdaya dengan mendakwa mangsa memiliki tunggakan cukai kes lama.

Selain itu, modus operandi popular lain mangsa akan menerima mesej menerusi panggilan telefon, surat atau e-mel dengan dikehendaki segera menjelaskan cukai itu kepada akaun bank pihak ketiga yang dijadikan keldai akaun.

“Mereka juga dihubungi individu yang menyamar sebagai pegawai agensi itu dan kemudiannya mengarahkan mangsa untuk memuat turun aplikasi palsu kononnya daripada Bank Negara Malaysia (BNM),” katanya dalam satu kenyataan semalam.

LHDN berkata, taktik licik itu membolehkan scammer masuk akaun bank milik mangsa secara atas talian setelah mengetahui maklumat peribadi

penting terutama nama pengguna dan kata laluan perbankan.

“Modus operandi lain pula mendakwa mangsa konon pelarian cukai, kegiatan jenayah atau pengubahan wang haram serta mengugut dan mengancam akan dituduh di bawah akta tertentu.

“Taktik lain pula mengatakan pegawai LHDN mahu memungut cukai atau melakukan audit dengan meminta mangsa memberikan dokumen kerana tersalah lapor,” ujarnya.

Selain itu, antara taktik lain digunakan termasuklah menghantar surat kepada mangsa dengan memaklumkan mereka terlibat perdagangan saham syarikat pelaburan.

Scammer juga menggunakan teknik ‘spoofing’ iaitu penyamaran talian telefon rasmi agensi itu bagi memperdayakan mangsa memberikan maklumat sulit perbankan.